

Permatang Pauh, 6 Oktober – Program POLYCC Newscasting Webinar & Competition 2021, Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia telah diadakan secara atas talian.

PSP telah dilantik sebagai Urus Setia program dibawah anjuran Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia dengan kerjasama konsultansi IKON ACADEMY. Para penceramah terdiri daripada Personaliti Pembaca Berita iaitu Puan Ezreena Amir Hamzah, Pembaca Berita TV3, Encik Ramzan Mohd Saufi, Pembaca Berita TV3 dan Puan Zaira Sri Zakaria, Pembaca Berita TV9.

Program ini juga dilaksanakan dengan harapan dapat memberi ruang dan juga peluang kepada para pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti sebegini bagi meningkatkan keyakinan, keupayaan dan kemahiran bahasa. Diharap dengan adanya penyertaan daripada semua politeknik dan kolej komuniti akan menjadikan dunia penyiaran Politeknik/ Kolej Komuniti lebih berdaya saing dan maju.

Program POLYCC Newscasting ini dibahagikan kepada beberapa peringkat iaitu bermula dengan Peringkat Pertama; **Sesi Webinar** pada 6 & 7 Oktober 2021 secara atas talian dengan menggunakan platform Microsoft Teams. Di mana 40 peserta bersama 24 pensyarah pengiring dari Politeknik dan Kolej Komuniti telah menghadiri sesi webinar tersebut bagi mendapatkan pengenalan dan maklumat mengenai Newscasting untuk persediaan pertandingan.

Setelah beberapa peringkat saringan dibuat, hanya 6 peserta terbaik yang terpilih ke peringkat akhir. Pelajar daripada Politeknik Kuching Sarawak telah berjaya menjadi Juara.

POLITEKNIK MALAYSIA
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA

POLYCC NEWSCASTING COMPETITION 2021

Champion

Laaveniya Padmanaban
Politeknik Kuching
Sarawak

ORGANIZED BY:
Student Admission and Development Division
Department of Polytechnic and Community College Education

IN COLLABORATION WITH:
POLITEKNIK
MPCEC



